

# 'Saya akan terus ratib nama Najib'

**PUTRAJAYA:** Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan terus meratib nama Datuk Seri Najib Tun Razak atau sesiapa sahaja yang cuba merosakkan negara dan menipu rakyat.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian dalam surat kedua beliau kepada pengundi Johor, semalam.

Dr. Mahathir berkata, setelah surat yang pertama, Najib menyindirnya kerana mula meratib namanya bermakna beliau sudah benar-benar pulih.

“Sebenarnya, saya amat malu meratib nama Najib. Dia memalukan negara, bangsa dan agama. Malangnya, dia sendiri tidak malu, malah, berpura-pura seolah-olah dia teraniaya termasuk oleh saya.

“Dia berharap rakyat Malaysia akan percaya dia tidak bersalah dan sebenarnya adalah mangsa penganiayaan saya dan musuh-musuh politiknya,” katanya.

Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) itu berkata, ada yang terpengaruh dan per-

caya dan tampil mempertahankan Najib, malah, sanggup memanggilnya ‘Boss’ dan mencium tangannya.

Katanya, perlu dijelaskan bahawa sebelum berlakunya skandal 1MDB, beliau menyokong Najib malahan apabila Tun Abdullah Ahmad Badawi lambat melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau telah memberi tekanan terhadap Abdullah selepas diangkat sebagai Perdana Menteri.

“Akhirnya, Abdullah lantik Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri. Selain percaya Najib layak, saya juga terhutang budi kepada bapanya, Tun Abdul Razak kerana dia membantu kerjaya politik saya.

“Malangnya, Najib bukan seperti bapanya. Tun Abdul Razak seorang nasionalis dan pejuang bangsa yang bermaruah. Najib pula curi harta negara dengan bantuan Jho Low,” katanya.

Sementara itu, dalam respon kepada surat kedua tersebut, Najib mengakui beliau masih

terhutang budi kepada Dr. Mahathir kerana menyokongnya untuk menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun katanya, tindakan Dr. Mahathir itu berkemungkinan turut menekan Abdullah untuk menyokongnya.

Namun, kata Najib, selepas beliau menjadi Perdana Menteri, apa yang menjadi permasalahan ialah Dr. Mahathir asyik menekan beliau untuk menyokong projek-projek kroninya.


“Bila saya tolak, Tun meroyan pulak dan mula mencorak langkah untuk berkomplot dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk jatuhkan saya pada tahun 2014 sebelum 1MDB menjadi isu.

“Anak Tun sendiri yang mengaku ini di mahkamah dan kaitkan kamu serta Muhyiddin,” katanya.

Najib kemudian memetik kenyataan Datuk Seri Mukhriz Mahathir pada 13 Julai 2017 yang mengakui bapanya dan Muhyiddin merancang untuk menjatuhkannya.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**



**NAJIB TUN RAZAK**